

PRESS CLIPPING

DATE : APRIL 12, 2019
MEDIA : SINAR HARIAN
SECTION : NASIONAL
PAGE : 11
COLOUR : FULL COLOUR
EXPOSURE VALUE : N/A

2 urus niaga LTAT tak ikut piawaian

CEO dedah punca keuntungan terkumpul negatif sebanyak RM31.6 juta

JANATUL FIRDAUS
YAACOB

KUALA LUMPUR

Dua urus niaga penjualan tanah di Cochrane dan Bukit Jalil serta kemerosotan saham Dayang Enterprise serta Sapura Energy mengakibatkan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) berdepan dengan keuntungan terkumpul negatif sebanyak RM31.6 juta pada 2017.

Ketua Pegawai Ekse-

kutif LTAT, Nik Amlizan Mohamed berkata, syarat-syarat penjualan dua tanah itu belum dipenuhi dan dimuktamadkan, maka pendapatannya tidak boleh diambil kira kerana tidak mematuhi piawaian Laporan Kewangan 118 berkaitan Pendapatan Jabatan Audit Negara.

Di samping itu, Nik Amlizan berkata, nilai saksama saham Dayang Enterprise dan Sapura Energy sebanyak RM18.46 juta berbanding kos pembelian sebanyak RM107.36 juta telah memberi kesan terhadap laporan kewangan LTAT pada 2017.

"Kemerosotan nilai dua saham yang boleh dijual itu sebanyak RM88.90 juta yang sebenarnya tidak boleh diambil kira pada 2017.

"Ini kerana pada akhir tahun itu keuntungan ber-



NIK AMLIZAN

sih terkumpul yang sebelum ini dibuat pengumuman sebanyak RM259.99 juta, sebenarnya adalah keuntungan terkumpul negatif sebanyak RM31.6 juta," jelasnya pada sidang media bersama Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu di lobi Parlimen, semalam.

Tambah Nik Amlizan, atas sebab itu LTAT perlu

mengemas kini laporan kewangan 2017 dan 2018 yang akan mengambil masa.

"Kami ingin menentukan bahawa akaun itu tepat dan dapat membuat pengumuman laporan kewangan 2018 serta pengumuman dividen yang tepat," katanya.

Dalam pada itu, ketika ditanya pihak yang bertanggungjawab terhadap masalah tersebut, Nik Amlizan memberitahu, pengurusan LTAT lalu tidak menjalankan amalan polisi yang baik dan garis panduan yang betul.

"Jadi kami pengurusan baharu akan memberi tumpuan mengenalkan garis panduan yang lebih tepat supaya pada masa hadapan kekhilafan atau ketidakpatuhan piawaian tidak berlaku kembali," katanya.

Terdahulu, dalam sesi pertanyaan jawab lisan di Dewan Rakyat, Mohamad berkata, semakan semula penyata kewangan LTAT bagi 2017 terpaksa dibuat kerana terdapat dua kesilapan dalam penyata tahun tersebut termasuk sejumlah RM202 juta yang telah diisytihar sebagai pendapatan hasil jualan tanah.

"Penjualan (tanah) ini sebenarnya tidak boleh diambil kira kerana transaksi tersebut belum selesai pada 2017.

"Semakan-semakan inilah yang telah menyebabkan kelewatan terhadap penyata kewangan LTAT bagi tahun berakhir 2018 dan mungkin akan dibuat pada Jun atau Julai ini, untuk memastikan teguran Jabatan Audit Negara diambil kira sebaik mungkin sebab penyata kewangan

info

Dua urus niaga penjualan tanah di Cochrane dan Bukit Jalil serta kemerosotan saham mengakibatkan LTAT berdepan keuntungan negatif RM31.6 juta pada 2017

LTAT bagi 2017 dan 2018 hendaklah dikaji semula untuk dipersembahkan kepada kita (di Dewan Rakyat)," katanya.

Menjawab soalan tambahan **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-Bera)** mengenai status terkini penjualan Hotel Royale Chulan Bukit Bintang, Mohamad berkata, keputusan akhir perkara itu hanya akan diputuskan oleh Unit Perancang Ekonomi.